

Banjir terburuk di KL sejak 2003

30 kawasan tenggelam, air di Kampung Baru naik paras bahaya lebih 1.8 meter

B.H M/s 15 11.6.07

Oleh A Halim Yusoff, Hardi Effendi Yaakob dan Sazarina Shahrin

KUALA LUMPUR: Hampir keseluruhan pusat bandar raya lumpuh berikutan hujan lebat hampir empat jam petang semalam, menyebabkan laluan utama dan kawasan sekitarnya ditenggelami air sedalam 1.8 meter dan tiga meter.

Antara kawasan terbabit ialah stesen Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Masjid Jamek, Jalan Masjid India, Jalan Perak, dan Jalan Pinang, Kampung Baru, Jalan Tun Razak, Jalan P Ramlee, Jalan Kolam Air, di Setapak.

Kampung Baru, Sentul, Jinjang Selatan dan Segambut adalah kawasan paling teruk dilanda banjir apabila hujan berterusan dari jam 5 petang hingga 9 malam.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, berkata banjir yang melanda kali ini adalah yang terburuk sejak kali terakhir dialami pada 2003 apabila lebih 30 kawasan, termasuk pusat bandar raya ditenggelami air.

Katanya, jumlah hujan yang dicatatkan semalam iaitu 720 milimeter (mm) melepasi tahap maksimum berbanding jumlah biasa antara 500mm dan 550mm.

Katanya, dalam tempoh sejam pertama hujan iaitu antara jam 7 malam, jumlah hujan yang dicatatkan ialah 500mm dan meningkat mendadak kepada 720mm, sejam kemudian.

"Hujan yang terlelu lebat menyepi



TERJEJAS TERUK: Jalan Perak dekat stesen Sistem Transit Aliran Ringan Masjid Jamek tenggelam selepas hujan lebat di ibu negara petang, semalam.

berkata sehingga jam 12.30 malam

“Hujan yang terlalu lebat menyebabkan sungai dan sistem perparitan di kebanyakan kawasan di bandar raya tidak dapat menampung aliran air berlebihan,” katanya ketika meninjau keadaan banjir di Dataran Merdeka dan Kampung Baru bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab Hakim Borhan, malam tadi.

Abu Seman bagaimanapun berkata, kejadian banjir semalam bukan disebabkan kegagalan terowong Smart kerana sistem terowong untuk mengalihkan banjir itu hanya akan beroperasi Ogos depan.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan, Mat Ali Ismail,

FAKTA NOMBOR

Banjir kilat

40

Anggota JPA dihantar untuk operasi menyelamat

20

Keluarga di Kampung Baru terpaksa dipindahkan

berkata sehingga jam 12.30 malam tadi, 20 keluarga dari Kampung Periuk, Kampung Baru, dipindahkan ke Dewan Kelab Sultan Sulaiman apabila rumah mereka ditenggelami air dua hingga empat meter.

Operasi pemindahan dilakukan sejak jam 10 malam apabila paras air melepasi tahap bahaya.

Sementara itu, operasi trafik di pusat bandar raya lumpuh sepenuhnya apabila laluan utama di sekitar Jalan Raja di sekitar Dataran Merdeka ditenggelami banjir sehingga dua meter, menyebabkan beberapa kenderaan terperangkap.

Ketua Turus Trafik Bandaraya, Asisten Komisioner Hamzah Taib, berkata kesesakan lalu lintas di pusat bandar raya turut menjejaskan haluan masuk trafik dari kawasan sekitar, termasuk Ampang, Setapak dan Petaling Jaya.

Pegawai Operasi Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) Wilayah Persekutuan, Sharul Kamar berkata, hampir seluruh kawasan pusat bandar raya ditenggelami banjir dengan kawasan paling teruk di Jalan Ipoh dan Masjid India dengan kedalaman mencapai sehingga tiga meter.

Tiga bot penyelamat dengan 40 anggota dihantar di kedua-dua kawasan untuk kerja mencari dan menyelamatkan mangsa yang terperangkap.



ARUS DERAS: Anggota penyelamat membantu warga kota yang terperangkap apabila kenderaan mereka terkandas dalam banjir di Jalan Sultan Ismail.